

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

15 APRIL 2019

ISNNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	DOKTOR MUAR BANTU MANGSA SUNGAI KIM KIM	2
BERITA HARIAN	TIADA ‘BULAN MADU’ BUAT MB BAHARU	3



KOSMO



DR. SAHRUDDIN bergambar bersama isterinya, Dr. Nila Armila selepas mengadakan sidang akhbar pertamanya sebagai Menteri Besar Johor di Johor Bahru semalam.

Doktor Muar bantu mangsa Sungai Kim Kim

JOHOR BAHRU – Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Keppong (ADUN), Dr. Sahruddin Jamal merupakan doktor perubatan lulusan Sarjana Perubatan dari Universiti Hasanuddin, Makassar, Indonesia.

Sahruddin, 43, dilahirkan pada 26 Mei 1975 dan sebelum menceburkan diri dalam bidang politik, beliau membuka kliniknya sendiri iaitu Klinik Dr. Sahruddin di Bukit Pasir, Pagoh.

Beliau berkahwin dengan

seorang doktor iaitu Dr. Nila Armila Mukdan dan dikurniakan tiga anak perempuan.

Dr. Sahruddin juga dilihat memainkan peranan instrumental ketika Johor menghadapi bencana pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang selama dua minggu, bulan lalu.

Ketika itu, beliau memainkan peranan penting secara *hands-on* dan turun padang sejak hari pertama lagi (7 Mac) serta melihat sendiri keadaan di be-

berapa lokasi kejadian serta turut mempraktikkan ilmu perubatan beliau dengan memeriksa mangsa-mangsa yang terkena Simptom Kim Kim.

Pelantikan Dr. Sahruddin turut menandakan kesepakatan kepimpinan Pakatan Harapan (PH) yang tetap dengan pendirian meneruskan tumpuan pimpinan negeri Johor kepada Bersatu Johor.

Pada PRU lepas, PH memenangi 36 kerusi DUN, manakala BN 19 kerusi dan Pas satu kerusi.

Daripada 36 kerusi itu, DAP memiliki 14 kerusi, Amanah (9), PKR (5), manakala Bersatu (8).

Bagaimanapun, Bersatu menambah tiga lagi kerusi DUN dengan penyertaan tiga ADUN Bebas yang merupakan bekas ADUN Barisan Nasional (BN) iaitu ADUN Endau, (Alwiyah Talib), ADUN Sedili, Rasman Ithmain dan ADUN Johor Lama, Rosleli Jahari.

Ini menjadikan komposisi DUN Johor kepada PH 39 kerusi, BN (16) dan Pas (1).

Kosmo © 15/4/2019

BERITA HARIAN

Tiada 'bulan madu' buat MB baharu

Syukur kemerlutan jawatan Menteri Besar Johor berakhir dengan pelantikan Dr Sahruddin Jamal, semalam. Tahniah kita ucapkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kepong atas pelantikan itu. Kini tumpuan utama perlu diteruskan ke arah gerak kerja membangunkan negeri, khususnya merancakkan usaha menarik pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Walaupun baru dilantik, tiada tempoh 'bulan madu' buat Dr Sahruddin. Tanggungjawab besar menunggu beliau selaku teraju baharu Kerajaan Pakatan Harapan (PH) di Johor.

Seperti sedia maklum, insiden pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang baru-baru ini banyak menjelaskan sentimen. Pelabur risau Johor tidak lagi mesra buat mereka, khususnya dengan aspek perundungan dan penguatkuasaan ketat selepas episod di Sungai Kim Kim itu. Kita percaya Dr Sahruddin bersama barisan EXCO yang bakal diumumkan nanti, perlu melihat situasi ini agar tidak mengekang kegiatan pelaburan.

Hakikatnya Johor di bawah teraju baharu harus mula bekerja dan pelantikan barisan EXCO perlu disegerakan. Perlu dipastikan peralihan kepemimpinan berjalan lancar, kerana misi besar menunggu pentadbiran baharu untuk merancang yang terbaik bagi penduduk dan negeri Johor.

BERITA HARIAN © 15/4/2019

